

BUKU KATAN: SATU KAJIAN AWAL LEKSIKOGRAFI MELAYU

Zuraini Ramli

Abstrak

Makalah ini membincangkan beberapa aspek leksikografi yang terkandung dalam sebuah kamus ekabahasa bahasa Melayu, iaitu *Buku Katan*. Kamus ini dihasilkan pada tahun 1936 oleh Pakatan Bahasa Melayu Persuratan Buku (P.B.M.P.B.) Diraja Johor, dan disusun oleh Haji Mohd. Said bin Haji Sulaiman. Antara aspek yang dibincangkan ialah bentuk dan jenis kata entri, dan kaedah pemberian takrif yang digunakan dalam kamus tersebut. Kamus ekabahasa yang dijadikan perbandingan ialah *Kamus Dewan* dan *Kamus Umum Bahasa Indonesia*. Daripada perbandingan yang dibuat, dapat dilihat bahawa *Buku Katan* mengamalkan hampir keseluruhan amalan leksikografi yang seharusnya terdapat dalam sesebuah kamus ekabahasa bahasa Melayu. Selain itu, dimuatkan juga sedikit latar belakang penghasil dan penyusun kamus tersebut, iaitu Pakatan Bahasa Melayu Persuratan Buku (P.B.M.P.B.) Diraja Johor dan Haji Mohd. Said bin Haji Sulaiman.

Abstract

This article discusses several aspects of lexicography in a monolingual Malay language dictionary, Buku Katan. Published in 1936 by Pakatan Bahasa Melayu Persuratan Buku (P.B.M.P.B.) Diraja Johor, this dictionary was arranged by Hj. Mohd. Said bin Haji Sulaiman. The aspects discussed include the form and type of entries as well as the method of explaining meaning. This Buku Katan is compared with Kamus Dewan and Kamus Umum Bahasa Indonesia. Buku Katan contains virtually all the lexicography aspects of a monolingual Malay language dictionary. Besides, this article contains a background of Pakatan Bahasa Melayu Persuratan Buku (P.B.M.P.B.) Diraja Johor and Hj. Mohd. Said bin Haji Sulaiman.

PENDAHULUAN

Akhir-akhir ini, bidang leksikografi Melayu kian menarik perhatian para pengkaji bahasa. Penemuan mekanisme kerja yang canggih, yang berbantuan komputer telah meletakkan dunia perkamusan Melayu setaraf dengan penyusunan kamus di negara maju. Pelbagai jenis kamus telah disusun, yang bukan sahaja melibatkan penyusunan kamus ekabahasa, malah semakin banyak kamus khusus dan kamus istilah pelbagai bidang dan subbidang disusun (Ibrahim Ahmad, 1994:x).

Secara asasnya, lahirnya kamus adalah atas dorongan manusia untuk mengetahui bahasa yang bukan bahasa sendiri supaya dapat berkomunikasi dengan penutur bahasa sasaran. Selain itu, idea untuk menerbitkan kamus tercetus daripada dorongan hendak mengetahui makna kata yang susah-susah (Asmah Haji Omar, 1987:9). Apabila berlakunya pertembungan antara dua budaya, akan lahir kegiatan untuk menterjemah kosa kata dalam sesuatu bahasa asing, dan kemudian mencari padanan dalam bahasa sendiri. Seterusnya, kegiatan ini akan berkembang seiring dengan pesatnya kemajuan tamadun dan peradaban dunia.

Ruang lingkup disiplin perkamusan memang luas, sesuai dengan luasnya domain perkamusan itu sendiri. Domain perkamusan tidak hanya meliputi input linguistik, tetapi mencakupi maklumat bukan linguistik juga. Seperti kata Zgusta (1971), disiplin perkamusan menjadi tempat pertemuan bidang linguistik dan bukan linguistik. Oleh sebab itu, input dalam disiplin perkamusan tidak hanya meliputi maklumat morfologi, sintaksis, semantik dan fonologi, tetapi melibatkan juga unsur-unsur bukan linguistik seperti ortografi, pemenggalan kata dan pelabelan (Ibrahim Ahmad, 1993:22).

Sehingga kini, masih belum banyak kajian secara ilmiah dilakukan oleh para sarjana tempatan terhadap kamus ekabahasa bahasa Melayu. Walaupun ada sarjana-sarjana yang menulis tentang bidang perkamusan, kamus ekabahasa bahasa Melayu yang diterbitkan pada peringkat awal sering tidak disentuh secara mendalam. Antara kamus tersebut ialah *Buku Katan*, yang merupakan antara kamus ekabahasa bahasa Melayu yang awal dan masih belum dilakukan sebarang kajian secara mendalam terhadapnya. Kamus ini merupakan hasil usaha yang dilakukan oleh anak tempatan, iaitu Pakatan Bahasa Melayu Persuratan Buku (P.B.M.P.B.) Diraja Johor, dan disusun oleh Haji Mohd. Said bin Haji Sulaiman. Berdasarkan penelitian, kamus ini amat kurang dibincangkan oleh sarjana-sarjana yang mengkaji bidang perkamusan Melayu.

LATAR BELAKANG KAMUS DAN PENGHASIL

LATAR BELAKANG KAMUS

Kamus Melayu *Buku Katan* pertama kali diterbitkan pada tahun 1936. Dato' Haji Muhd. Said bin Sulaiman merupakan orang yang bertanggungjawab mengusahakan kamus tersebut dibantu oleh beberapa orang ahli jawatankuasa yang lain. Usaha menerbitkan kamus ini timbul berikutan kegiatan dalam bidang perkamusan yang dijalankan oleh P.B.M.P.B. sebagai salah satu daripada cabang kegiatannya yang pelbagai. Kamus ini diterbitkan oleh Matba'at Al-Ahmadiyah, Singapura, yang juga menerbitkan hampir keseluruhan buku yang dihasilkan melalui P.B.M.P.B.

Satu perkara yang menarik dalam penyusunan kamus ini ialah sumbangan daripada beberapa pihak, terutama pihak akhbar seperti *Warta Malaya* yang menyiarkan bahagian-bahagian daripada kamus ini secara bersiri untuk mendapatkan pandangan dan buah fikiran masyarakat terhadap kandungannya serta orang perseorangan (Nik Safiah Karim, 1984:181). Za'ba (1941:16) menganggap hasil ini sebagai hasil kerja yang paling penting pernah dihasilkan atas nama sebuah pertubuhan, dan merupakan kamus yang terpanjang jika dibandingkan dengan kamus-kamus lain yang dihasilkan sebelumnya. Walaupun tidak seratus peratus menepati ciri kamus yang lengkap, Za'ba beranggapan bahawa sebagai satu hasil permulaan, kamus ini boleh dianggap sebagai kamus ekabahasa bahasa Melayu yang terbaik pernah dihasilkan antara yang sezaman dengannya.

Buku Katan disiapkan dalam bentuk ekabahasa, terbahagi kepada 12 penggal yang tercerai-cerai mengikut abjad Jawi dan terbahagi kepada empat jilid. Jilid I mengandungi entri daripada huruf *alif* hingga *ta*, Jilid II mengandungi entri daripada huruf *tha* hingga *sin*, Jilid III mengandungi entri daripada huruf *syin* hingga *kaf*, dan Jilid IV mengandungi entri daripada huruf *ga* hingga *nya*. Terdapat sebanyak 9971 kata entri dalam keseluruhan ceraian. Dalam rencana ini, hanya jilid pertama kamus ini yang mengandungi entri yang bermula dari huruf *alif* (ا) hingga *ta* (ت) sahaja yang digunakan. Dalam jilid yang pertama ini terdapat sebanyak 2798 entri. Perkataan-perkataan pinjaman daripada bahasa Arab dan bahasa Inggeris yang telah biasa digunakan juga dimasukkan. Pada bahagian atas setiap halaman, diletakkan dua entri yang merupakan entri pertama dan entri terakhir untuk halaman tersebut.

LATAR BELAKANG PENGHASIL

Dato' Haji Muhd. Said bin Sulaiman (selepas ini akan dinyatakan sebagai DHMS sahaja) dilahirkan pada 7 Oktober 1876 di Teluk Belanga, Singapura. Beliau telah dibesarkan dalam sebuah keluarga yang sederhana. Boleh dikatakan beliau termasuk dalam golongan anak-anak Melayu yang beruntung kerana dapat mengecap nikmat arus kemajuan terutamanya bidang pelajaran di Singapura (Munshi Abdullah, 1982).

Beliau berada di alam persekolahan bermula dari usia lima tahun sehinggalah berusia 16 tahun. Sepanjang tempoh waktu tersebut, beliau telah menunjukkan prestasi yang baik dalam pelajarannya dan tergolong dalam kumpulan pelajar yang cerdas. Wajar jika dikatakan bahawa DHMS merupakan seorang pemuda yang menerima pendidikan yang seimbang antara ilmu keagamaan dengan ilmu duniawi, dan dalam ilmu duniawi, antara aliran Melayu dengan aliran Inggeris (Nik Safiah Karim, 1984:15).

Dalam bidang persuratan Melayu, jasa DHMS boleh dilihat dari dua aspek, iaitu sumbangan beliau sebagai penunjang P.B.M.P.B. dan ketokohan beliau dalam bidang persuratan Melayu. Beliau memainkan peranan yang amat penting dalam melicinkan perjalanan serta menghidupkan kembali P.B.M.P.B. yang beberapa kali mengharungi zaman kesukaran. Selain itu, beliau juga bertanggungjawab menyusun beberapa rancangan dan penerbitan supaya maklumat berkenaan dengan bahasa dan sastera tersebar, dan P.B.M.P.B. terus hidup dan maju dengan kegiatan-kegiatan persuratan (Nik Safiah Karim, 1994:19). Antara buku yang dihasilkan dan kegiatan yang dilaksanakan beliau adalah seperti sejarah, catatan perjalanan ke luar negeri, buku-buku pengetahuan umum, kamus, peristilahan dan kerjasama dengan badan-badan persuratan lain, misalnya Persatuan Sahabat Pena Melayu (PSPM).

Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa kejayaan P.B.M.P.B. adalah atas daya usaha dan sumbangan DHMS yang telah memberikan peluang kepada badan itu untuk terus bernafas. Kegiatan menghasilkan buku oleh P.B.M.P.B. dimulakan pada tahun-tahun 1930-an, hasil usaha DHMS berserta beberapa orang ahli jawatankuasa yang lain. Buku-buku yang dihasilkan oleh P.B.M.P.B. merupakan buku-buku dalam siri Peredar (Jurnal) serta beberapa buah buku lain. Dalam jangka masa antara tahun 1935 hingga tahun 1940, DHMS telah menghasilkan sekurang-kurangnya 25 buah Peredar dan ini merupakan kejayaan yang amat membanggakan.

Sekitar tahun 1936 sehingga 1947, sebanyak 16 buah buku bahasa telah diterbitkan. Antara buku yang dihasilkan itu ialah *Buku Katan* (1936), *Jalan*

Bahasa Melayu (1937), *Panduan Hejaan* (1932) dan *Manual of Malay Language and Grammar* (1947). *Buku Katan* merupakan satu daripada pekerjaan pertama yang diharapkan oleh P.B.M.P.B. apabila pertubuhan itu dihidupkan semula pada 7 April 1934 (Md. Zain Idros, 1973:19). Boleh dikatakan bahawa DHMS merupakan tokoh pengasas bagi segala kegiatan dan kejayaan P.B.M.P.B. (A. Hamid Hassan, 1970). Za'ba sendiri mengakui bahawa kamus ini adalah yang terbaik kalau dibandingkan dengan kamus-kamus Melayu yang pernah diterbitkan sebelum Perang Dunia Kedua.

Sebagai kesimpulan, dapat dikatakan bahawa DHMS merupakan seorang tokoh yang telah banyak berjasa kepada bidang persuratan Melayu amnya, dan persuratan Melayu Johor khususnya. Sumbangan beliau yang begitu besar terhadap kegiatan-kegiatan P.B.M.P.B., serta hasil-hasil karya beliau yang mengagumkan itu menunjukkan bahawa beliau seorang tokoh yang unik dan berjaya memperlihatkan ketokohnya sebagai penulis, pemimpin dan pentadbir (Nik Safiah Karim, 1984:28). Karya-karya beliau yang meliputi pelbagai bidang telah memberikan sumbangan yang besar dalam mengayakan khazanah persuratan Melayu. Oleh itu, wajarlah jika DHMS diberi perhatian yang sama sebagaimana perhatian yang diberikan kepada Syed Sheikh Al-Hadi dan Abdul Rahim Kajai kerana sumbangan beliau yang tinggi nilainya.

KOMPONEN-KOMPONEN UTAMA DALAM KAMUS EKABAHASA MELAYU

Pelbagai pendapat telah dikemukakan, sama ada dari sudut teori mahupun praktik, tentang kandungan yang seharusnya ada dalam sesebuah kamus ekabahasa. Namun, kamus yang baik selalunya merupakan kamus yang kaedah penyusunannya sesuai dengan kehendak sasaran. Himpunan perbendaharaan yang diliputi, teknik pemerian dan penyajian yang kemas dan tuntas, serta reka bentuk kamus yang canggih, merupakan faktor penting keberhasilan sesebuah kamus. Secara amnya, komponen utama dalam sesebuah kamus terbahagi kepada dua bahagian, iaitu:

- i. kata entri
- ii. pemberian takrif

(i) Kata Entri

Istilah kata entri meliputi dua bidang, iaitu entri utama, yang sering kali diistilahkan sebagai entri, dan subentri. Menurut Harimurti (1983:40), entri

bermakna kata kepala dengan definisi dan keterangan lainnya dalam kamus atau ensiklopedia. Adi Sunaryo (1978:18) pula mendefinisikan entri sebagai kata atau gabungan kata yang mendukung satu rujukan makna atau ungkapan tetap yang merupakan unsur-unsur kosa kata atau perbezaan kata di dalam kamus. Kata yang menjadi kata entri atau kata masukan dalam kamus mempunyai ciri bebas, mempunyai kelas, makna leksikal, bentuk yang utuh dan berkemungkinan boleh diperluas status katanya.

Bentuk dan Jenis Kata Entri

Bentuk kata yang mendasari kamus ialah leksem. Leksem ialah bentuk abstrak yang menjadi asas kepada pembentukan bentuk-bentuk kata yang lain (Abdullah Hassan, 1984:2). Leksem antara lain merupakan satuan terkecil dalam leksikon atau satuan yang berperanan sebagai input dalam proses morfologi (Harimurti, 1989:10). Dalam penyusunan kamus Melayu, kedua-dua makna nahuan dan leksikal dipentingkan kerana ini membentuk kosa kata yang tersendiri sesuai dengan konsep kamus yang mencakup input linguistik seperti sistem leksikal, semantik, leksikologi, nahuan, morfologi dan maklumat bukan linguistik.

Dalam perkamusan Melayu, entri utama terdiri daripada kata dasar, kata majmuk dan kata ganda. Kata dasar ialah bentuk dasar tanpa sebarang imbuhan atau tidak mengalami penggandaan dan perangkaian (Ibrahim Ahmad, 1994: 43). Terdapat pula bentuk yang tergolong sebagai morfem dasar lain untuk membentuk kata, tetapi belum mempunyai kelas. Harimurti (1989) mengkategorikan morfem ini sebagai morfem dasar terikat. Contohnya ialah perkataan “tari”, “rayau” dan “nukil”. Morfem terikat seperti ini mempunyai fungsi nahuan semata-mata dan tidak menyumbang ke arah makna leksikal. Bentuk prakategori atau morfem terikat ini tidak berdiri sendiri, melainkan mempunyai keterikatan pada imbuhan atau pada morfem dasar lain. Dalam kamus ekabahasa Melayu, bentuk sebegini akan wujud sebagai entri utama, dengan disertakan morfem imbuhan atau morfem dasar. Misalnya:

- i. **nukil = nukilan** sesuatu yang dipetik (dipungut dll), kutipan, petikan, pungutan.
(*Kamus Dewan*, Edisi Ketiga, 1994)
- ii. **dabik; mendabik** menepuk, menampar (dada), mendamik.
(*Kamus Besar Bahasa Melayu Umum*, 1995)
- iii. **lari (=berlari):** berdjalan kentjang, ...
(*Kamus Umum Bahasa Indonesia*, 1954)

Kata majmuk ialah kata yang merangkaikan kata dasar yang membawa makna tertentu (Nik Safiah Karim, 1989:34). Kata ini, sama ada yang bersifat idomatis ataupun tidak, menjadi entri utama yang diikuti oleh bentuk derivasinya sebagai kata terbitan (Ibrahim Ahmad, 1994:44). Klasifikasi kata majmuk terdiri daripada tiga bentuk. Pertama, kata majmuk yang terdiri daripada rangkaian kata bebas seperti “ambil alih” dan “warga kota”. Kedua, kata majmuk yang berbentuk istilah, seperti “batu bara” dan “kertas kerja”, dan ketiga ialah kata majmuk yang mendukung maksud kiasan seperti “hitam putih” dan “bulan madu”.

Kata ganda pula ialah bentuk yang dihasilkan melalui proses mengulangi kata dasar. Proses pengulangan ini sama ada melibatkan seluruh kata dasar yang disebut penggandaan penuh, atau melibatkan sebahagian kata dasar sahaja yang disebut penggandaan separa (Nik Safiah Karim, 1989:44). Kata ganda yang berderivasi seperti “simpang-siur” (bersimpang-siur) dan “compang-camping” (bercompang-camping) diperlakukan sebagai entri utama, dan diikuti oleh bentuk-bentuk derivasinya sebagai kata terbitan. Selain itu, terdapat kata ganda yang berupa penggandaan berentak seperti “kuih-muih” dan “ipar-duai” yang diberi kedudukan sebagai entri di dalam kamus. Bentuk sebegini dinamakan morfem unik kerana sifatnya yang unik, iaitu hanya berganding dengan satu morfem serta tidak dapat bertukar pasangan (Amdun Hussain, 1990:10). Misalnya:

- i **duai; ipar** - adik-beradik (saudara) kepada suami atau isteri, ipar lamai.
(*Kamus Dewan*, Edisi Ketiga, 1994)
- ii **hara, huru-hara** huru-hara hiru-hara
(*Kamus Besar Bahasa Melayu Umum*, 1995)
- iii **majur, sajur-majur** berbagai-bagai sajian
(*Kamus Umum Bahasa Indonesia*, 1954)

Morfem “-muih” hanya dapat berganding dengan “kuih” dan morfem “-duai” hanya dapat berdamping dengan “ipar”. Kedua-duanya tidak dapat ditukar ganti dan kedudukannya di dalam kamus tetap utuh walaupun diletakkan dalam entri yang berbeza. Morfem unik ini hanya mempunyai makna nahan sahaja, dan akan mempunyai makna tertentu apabila digandingkan dengan morfem dasar yang lain.

Bentuk kata lain yang turut dikategorikan sebagai entri utama ialah bentuk proleksem. Unsur proleksem ialah bentuk yang terbit pada dasar,

mempunyai kelas dan makna leksikal, tetapi tidak boleh mengalami peluasan. Unsur ini jelas terikat dengan unsur yang menyertainya, dan wujud sebagai awalan atau akhiran yang mendampingi sesuatu kata. Contohnya seperti “pra-”, “maha-” dan “isme-”.

- i. **maha-** (dlm. kata majmuk bererti) sangat, amat, yang teramat
- ii. **mahahakim** hakim besar
(*Kamus Dewan*, Edisi Ketiga, 1994)
- iii. **isme-** sistem kepercayaan berdasarkan politik, sosial, ekonomi, digunakan sebagai akhiran.
- iv. **sosialisme** ajaran atau fahaman kenegaraan yang berusaha supaya harta benda menjadi milik negara.
(*Kamus Besar Bahasa Indonesia*, 1998)

Namun, terdapat morfem proleksem yang mengandungi makna leksikal dan boleh bersifat bebas serta mempunyai erti yang tersendiri. Contoh:

- i. **panca I** lima (biasanya digunakan dalam kata majmuk)
- ii. **panca II** NS hadiah bunga telur dan pulut

(*Kamus Dewan*, Edisi Ketiga, 1994)

Seterusnya, terdapat pula unsur klitik seperti “kau” dan “mu”, yang mempunyai keterikatan pada kata, mempunyai kelas dan makna leksikal, tetapi tidak boleh diperluas lagi. Unsur ini dinamakan “proklitik” apabila terikat pada bentuk lain di hadapan morfem, seperti “kubaca”, dan dipanggil “enklitik” apabila berada di belakang kata seperti “bajumu” (Harimurti, 1989: 19). Unsur klitik ini diberi entri tersendiri dalam kamus ekabahasa Melayu.

Bentuk singkatan semu yang mempunyai makna leksikal, mempunyai kelas dan padanan penuh serta boleh diperluas (Amdun Hussain, 90:9) dinyatakan sebagai entri utama, termasuk didampingi oleh morfem dasar lain.

Kata-kata yang berbentuk akronim juga diklasifikasikan sebagai entri yang tersendiri. Contohnya seperti FAMA dan PERHILITAN. Akronim yang merupakan perkataan yang terbentuk daripada percantuman huruf dan suku kata beberapa perkataan diberi status sebagai entri utama kerana bentuk kata itu telah sebatu dalam bahasa Melayu. Contohnya:

- FAMA** akronim bagi Federal Agricultural Marketing Authority atau Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan.

PERHILITAN akronim bagi Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara.

(*Kamus Dewan*, Edisi Ketiga, 1994)

ii. Pemberian Takrif

Aspek pemberian takrif merupakan aspek yang paling penting dalam peringkat penyusunan kamus. Aspek ini merupakan unsur penentu ketinggian mutu dan kualiti sesebuah kamus. Pada tahap ini, para penyusun kamus haruslah menguasai ilmu teras yang mendalam, khususnya dari segi semantik dan pragmatik, disertai dengan penguasaan ilmu bantu yang lain. Seperti kata Asmah Haji Omar (1984:5), tugas kamus ialah memberi makna atau takrif kepada kata, dan pentakrifan ini adalah dengan menggunakan kata-kata juga. Oleh itu, bidang perkamusan tidak mempunyai cara lain melainkan memberi makna kepada sesuatu lambang dengan menggunakan lambang itu sendiri.

Terdapat pelbagai kaedah dan pendekatan yang boleh digunakan untuk memeri makna sesuatu kata. Menurut Ibrahim Ahmad (1994:76–78), terdapat empat pendekatan yang digunakan untuk memberi takrif sesuatu kata, iaitu:

- (a) Pendekatan Leksikografi
- (b) Pendekatan Logik
- (c) Pendekatan Sinonim
- (d) Pendekatan Ensiklopedia

a. Pendekatan Leksikografi

Pendekatan leksikografi ialah proses menghuraikan ciri-ciri semantik terpenting sesuatu kata secara berurutan, yang membezakannya daripada kata yang lain. Pemerian sebegini selalunya memberikan penerangan secara sederhana dan sedikit sebanyak mempunyai unsur-unsur analisis. Contohnya:

- i. **lebah** sj serangga bersengat yang mengumpulkan madu
(*Kamus Dewan*, Edisi Ketiga, 1994)
- ii. **helioskop** teropong untuk melihat matahari
(*Kamus Besar Bahasa Melayu Umum*, 1995)
- iii. **rebung** anak buluh (bakal batang buluh jg masih ketjil)
(*Kamus Umum Bahasa Indonesia*, 1954)

b. Pendekatan Logik

Pendekatan ini mempunyai banyak persamaan dengan pendekatan analisis. Dalam pendekatan ini, ciri-ciri khusus sesuatu benda akan dikenal pasti mengikut kelas sehingga membezakannya daripada benda-benda yang lain. Seterusnya, benda tersebut akan digolongkan secara jelas sebagai anggota golongan yang terhampir. Pendekatan ini lebih bersifat ilmiah dan sesuai untuk mendefinisikan istilah-istilah mengikut bidang tertentu seperti bidang sains dan perubatan. Contoh:

- i. **oksigen** sj. gas yang tidak berwarna dan tidak mempunyai rasa atau bau yang diperlukan oleh seluruh bentuk hidupan (merupakan 21% daripada udara).
(*Kamus Dewan*, Edisi Ketiga, 1994)
- ii. **amfibia** dualam, binatang yang hidup di air dan di darat.
(*Kamus Besar Bahasa Melayu Umum*, 1995)

c. Pendekatan Sinonim

Pendekatan ini memberikan batasan kata atau entri yang merupakan kata yang bersinonim atau yang sepadan maknanya dengan entri. Kaedah ini juga boleh dihubungkan dengan pendekatan antonim, yang berupa padanan kata yang berlawanan dengan entri. Misalnya:

- i. **nama** 1. Panggilan atau sebutan bagi orang (barang, tempat, pertubuhan dll). 2. gelaran, sebutan. 3. kehormatan, kebaikan, kemasyhuran, maruah, pujian.
(*Kamus Dewan*, Edisi Ketiga, 1994)
- ii. **fasih** petah lidah, pandai berkata-kata, petes, balaghah, lancar dan mudah berbicara ...
(*Kamus Besar Bahasa Melayu Umum*, 1995)
- iii. **luhur** tinggi, mulia ...
(*Kamus Umum Bahasa Indonesia*, 1954)

Menurut Palmer (1992:98), dua perkataan yang berlainan tidak mungkin mempunyai entri yang benar-benar serupa. Oleh itu, sinonim sebenar tidak mungkin akan wujud.

d. Pendekatan Ensiklopedia

Pendekatan ini akan memberikan huraian sesuatu entri itu secara lengkap

dan teliti mengenai segala hal yang berkaitan dengan kata entri yang didefinisikan itu. Pendekatan ini bersifat deskriptif, iaitu menerangkan, serta disusun mengikut keperluan golongan sasarannya. Oleh sebab pemberian maknanya terlalu lengkap, pendekatan ini jarang digunakan untuk membezakan pentakrifan sesebuah kamus dengan ensiklopedia.

AMALAN LEKSIKOGRAFI DALAM *BUKU KATAN*

Dalam bahagian ini, akan dipaparkan analisis terhadap beberapa aspek leksikografi yang terdapat dalam *Buku Katan*. Aspek-aspek yang dikaji ialah kata entri, pemberian takrif, jenis-jenis pendekatan yang digunakan, iaitu leksikografi, logik, sinonim dan ensiklopedia, aspek semantik lain, huraian definisi, etimologi, ejaan dan rujuk silang.

Kata Entri

Sebagai sebuah kamus umum, kata entri yang terdapat di dalam *Buku Katan* ini merangkumi perbendaharaan kata umum dan sesuai untuk semua lapisan masyarakat. Bahagian ini akan terbahagi kepada tiga, iaitu susunan kata entri, bentuk dan jenis kata entri dan membilang entri.

Susunan Kata Entri

Buku Katan ditulis dengan menggunakan huruf Jawi. Kata entrinya ditulis dengan menggunakan huruf Jawi. Kata entrinya disusun mengikut urutan abjad Jawi, iaitu bagi Jilid 1, merangkumi abjad *alif* hingga *ta*. Urutan abjad ini disusun huruf demi huruf. Contohnya:

اچو
اچوق
اچوم
اچه
اچي

Hampir keseluruhan kata entri disusun mengikut urutan abjad. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kata entri yang disusun tidak mematuhi sistem urutan abjad seperti yang sepatutnya. Contohnya:

باتو اسه
 باتو افي
 باتو امس
 باتو الي
 باتو ارغ

Susunan entri di atas tidak mengikut urutan abjad kerana abjad *ra* hadir dahulu sebelum *sin*. Begitu juga abjad lam, hadir dahulu sebelum abjad *mim* dalam urutan abjad Jawi. Seharusnya, susunan sebenar yang mengikut urutan abjad adalah seperti yang berikut:

باتو ارغ
 باتو اسه
 باتو افي
 باتو الي
 باتو امس

Bentuk dan Jenis Kata Entri

Kamus ini mengandungi kata entri berbentuk kata tunggal yang paling banyak bilangannya berbanding dengan bentuk kata-kata lain seperti kata terbitan, kata majmuk dan kata ganda. Jadual di bawah dapat menjelaskan kehadiran bentuk kata entri di dalam kamus ini.

Jadual 1 Bentuk kata entri dalam *Buku Katan*.

Kata	Bilangan	Peratus
Kata Tunggal	430	86
KataMajmuk	30	6
Kata Ganda	25	5
Kata Terbitan	15	3
Jumlah	500	100

Jadual di atas dibuat berdasarkan 500 entri pertama yang terdapat dalam abjad alif. Didapati bahawa perbezaan bilangan antara kata tunggal dengan jenis kata yang lain amat jauh. Hal ini disebabkan penyusun kamus tidak mengasingkan entri kata dasar dengan entri kata terbitan. Kata terbitan tidak dijadikan entri tersendiri, sebaliknya disenaraikan bentuk terbitan pada bahagian akhir definisi. Oleh itu, entri kata terbitan pula merupakan bilangan kata entri yang paling sedikit.

Kata dasar berserta imbuhan tidak dijadikan sebagai kata entri yang tersendiri dalam kamus ini. Bentuk-bentuk terbitan bagi setiap kata dasar disertakan dalam kurungan yang diletakkan di bahagian akhir definisi perkataan tersebut. Contohnya:

- اجر = ajar ... (diajarnya, ajaran, pelajaran, dipelajari) (hlm. 9)
 اموق = amuk ... (mengamuk – diamuknya, amukan, beramuk-amukkan) (hlm. 55)
 باير = bayar ... (dibayarnya – membayar, bayaran) (hlm. 121)
 باله = balah ... (dibalah, membalah) (hlm. 118)
 تان = tanya ... (ditanya – menanya, pertanyaan) (hlm. 205)

Bentuk-bentuk terbitan pula disusun mengikut satu sistem yang seragam, iaitu dimulai dengan imbuhan kata kerja, kemudian barulah diikuti dengan imbuhan kata nama. Biasanya, kata terbitan dimulakan dengan imbuhan “di-nya”, diikuti dengan “me-” dan diakhiri dengan awalan “per-” atau akhiran “-an”. Contohnya:

- taruh - ditaruhnya
 - menaruh
 - pertaruhan
 tadah - ditadahnya
 - menadah
 - tadahan
 tarah - ditarahnya
 - menarah
 - tarahan (hlm. 195)

Didapati bahawa susunan entri dengan cara tersebut lebih memudahkan pengguna kamus supaya terus dapat melihat bentuk-bentuk terbitan yang boleh dihasilkan daripada satu-satu kata dasar. Cara ini juga dapat mengelakkan berlakunya pertindihan definisi bagi entri yang sama dalam sesebuah kamus.

Bentuk kata entri lain yang terdapat dalam kamus ini ialah bentuk prakategori. Walaupun bentuk-bentuk ini perlu hadir bersama-sama dengan imbuhan, dalam *Buku Katan*, bentuk ini hadir sendirian. Contohnya:

اتور	=	atur (hlm. 8)
اجوق	=	ajak (hlm. 9)
اچو	=	acu (hlm. 11)
باوا	=	bawa (hlm.119)
تانق	=	tanak (hlm. 200)

Seterusnya, terdapat juga bentuk proleksem yang dijadikan entri tersendiri dalam kamus ini. Hanya dua bentuk proleksem yang dapat ditemui, iaitu:

ادي	=	adi
اديراج	=	adiraja
اديورنا	=	adiwarna
اديفاتي	=	adipati (hlm. 16 dan 17)
تري	=	tri
تريبوان	=	tribuana (hlm. 217)

Buku Katan juga banyak mengandungi entri yang terdiri daripada kata pinjaman. Kata-kata pinjaman ditandakan dengan menggunakan huruf tertentu yang diletakkan sebelum definisi. Contohnya:

enteng	J	senang, bagus
barik	A	diberi (berkat seperti dalam perkataan "barakAllah")
biskut	I	roti keras

Contoh kata-kata pinjaman ialah:

Arab	امانه	=	amanah	(hlm. 48)
	اول	=	awal	(hlm. 82)
	بخيل	=	bakhil	(hlm. 125)

	تشديد	=	tasydid	(hlm. 218)
Inggeris	ايديكيشين	=	education	(hlm. 92)
	امونيا	=	ammonia	(hlm. 55)
	ترفين	=	turpin	(hlm. 213)
	تيتل	=	title	(hlm. 265)
Jawa	الس	=	alis	(hlm. 47)
	انوم	=	anum	(hlm. 69)
	باتيك	=	batik	(hlm. 108)
	تولين	=	tulen	(hlm. 256)

Dalam keseluruhan kamus yang dikaji ini, terdapat tiga belas jenis kata pinjaman asing, merupakan antara bahasa-bahasa yang paling kerap dipinjam kosa katanya oleh bahasa Melayu. Bahasa-bahasa tersebut ialah Arab (ع), Sanskrit (س), Tamil (ت), Hindu (ه), Jawa (ج), Cina (چ), Portugis (ف), Inggeris (اغ), dan Keling (ك). Bagi bahasa Perancis, Turki, Abrani dan Belanda dituliskan dengan penuh seperti 'Perancis' (فرنچيس) kerana hanya terdapat satu atau dua entri sahaja bagi setiap bahasa tersebut. Contohnya:

idikung (Perancis) pegawai yang bersenjata jadi pengiring kepada raja atau orang yang berpangkat tinggi seperti gabenor, jeneral dan lain-lain. (hlm. 92)

Dalam kamus ini, banyak terdapat entri yang berupa kosa kata asing yang masih belum mencapai status kata pinjaman dalam bahasa Melayu. Pada kebiasaannya, entri-entri tersebut berupa frasa bahasa Inggeris dan bahasa Arab yang telah mantap penggunaannya dalam bahasa Melayu. Contohnya:

احكام الحاكمين	=	ahkamulhakimin	(hlm.13)
إن شاء الله	=	insya-Allah	(hlm. 65)
بيل اوف ليديغ	=	bill of leading	(hlm. 186)
انسفيكتر اوف قوليس	=	inspector of police	(hlm. 64)

Penyusun kamus juga memasukkan ciri-ciri luar biasa sebagai kata entri dalam kamus ini. Contohnya menjadikan imbuhan sebagai kata entri.

بر	=	ber	(hlm. 127)
تر	=	ter	(hlm. 210)

Bentuk-bentuk penggunaan bahasa pasar, bahasa dalam, bahasa luar, bahasa dalam percakapan dan kata seruan turut dijadikan entri dalam *Buku Katan*. Ini menunjukkan bahawa sebagai kamus umum yang pengguna sarannya terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat, kamus ini perlu memasukkan sebanyak mungkin kosa kata yang meliputi keseluruhan hidup manusia. Contohnya:

اه	=	ah	(hlm. 89)
اها	=	aha	(hlm. 89)
توف ٢	=	tup-tup	(hlm. 252)
ته	=	tah	(hlm. 262)
اوروف	=	uruf	(hlm. 76)
انقندا	=	anakanda	(hlm. 68)
ادندا	=	adinda	(hlm. 16)

Membilang Entri

Kata entri dalam kamus ini dibilang berdasarkan semua kata masukan yang terdapat di dalamnya. Ini kerana kata entri yang terdapat di dalamnya tidak ditebalkan cetaknya. Sebanyak 2798 kata entri terkandung dalam kamus ini. Oleh sebab banyak terdapat entri yang berbentuk kata terbitan dan frasa, jumlah tersebut bukanlah jumlah sebenar kata entri dalam *Buku Katan*. Jumlah entri sebenar kurang daripada 2798.

Pemberian Makna

Entri dalam kamus ini diletakkan di sebelah kanan definisi kerana kamus ini ditulis dengan menggunakan huruf Jawi. Kata entri dan definisi dipisahkan dengan sedikit ruang, tanpa sebarang tanda lain yang tertentu. Namun, susunan begini memperlihatkan perbezaan yang jelas antara kata entri dengan makna,

dan tidak menimbulkan sebarang kesukaran kepada pengguna. Nombor dalam kurungan seperti (1), (2) dan seterusnya digunakan untuk menunjukkan bahawa sesuatu entri itu mempunyai banyak makna. Dalam aspek pemberian takrif, penyusun menggunakan pendekatan leksikografi, logik, sinonim, ensiklopedia dan aspek-aspek semantik yang lain.

Pendekatan Leksikografi

Pendekatan ini menghuraikan secara berurutan ciri-ciri semantik terpenting suatu kata yang membezakannya daripada kata yang lain. Biasanya pendekatan ini menjelaskan entri secara sederhana dan sedikit sebanyak mempunyai unsur analisis. Contohnya:

arak sejenis minuman yang mabuk, terutama dibuat daripada air anggur yang ditapaikan dan bercampur suatu jenis ubat lagi disebut alkohol.
(hlm. 19)

buasir penyakit bengkak atau tumbuh keluar menjulur pada tempat ke sungai besar.
(hlm. 153)

Pendekatan ini mampu memberi penjelasan kepada takrif sesuatu kata entri dan mudah difahami. Penyusun berjaya menggunakan bahasa yang mudah, ringkas dan tepat untuk memberikan takrif kepada kata entri dalam kamus ini.

Pendekatan Logik

Pendekatan logik pula merupakan satu pendekatan yang secara tegas mengenal pasti ciri-ciri khusus sesuatu benda mengikut kelas sehingga membezakannya daripada benda-benda yang lain dan menggolongkannya secara jelas sebagai anggota golongan yang terhampir. Contohnya:

Inggeris (kacukan daripada English) orang negeri England: orang putih daripada bangsa British dan kerajaannya yang besar di Great Britain.
(hlm. 34)

tahil satu per enam belas kati yakni 16 tahil jadi sekati atau 10 ci candu jadi setahil.
(hlm. 203)

Pendekatan logik yang digunakan dalam kamus ini lebih berdasarkan kepada logik akal penyusun sahaja. Buktinya, terdapat beberapa entri yang pemberian takrifnya tidak begitu tepat dan ilmiah sifatnya. Contohnya:

- | | | |
|--------------|-----|----------------------------------|
| tiket | (1) | surat keterangan bagi meluluskan |
| | (2) | surat kecil menandakan |

(hlm. 270)

Pemberian takrif yang dibuat bagi entri tersebut kurang tepat dan kurang jelas. Tiket merupakan kertas atau kad kecil bercetak yang diberikan kepada seseorang untuk menandakan pemegangnya telah membuat bayaran untuk sesuatu perkhidmatan (*Kamus Dewan*, Edisi Ketiga 1994). Oleh itu, keterangan “surat keterangan bagi meluluskan” itu tidak lengkap dan kurang jelas tentang perkara yang ingin “diluluskan”. Makna kedua, iaitu “surat kecil menandakan” juga tidak sempurna kerana tidak dapat dipastikan perkara yang “ditandakan” oleh tiket. Justeru, penyusun kadangkala kurang teliti dan kurang kemas dalam mentakrifkan kata entri.

Daripada contoh yang diberikan, pendekatan logik yang digunakan oleh penyusun kamus ini kebanyakannya dibuat berdasarkan pengetahuan penulis sendiri, tanpa membuat rujukan yang mendalam dan terperinci daripada sumber-sumber lain.

Pendekatan Sinonim

Pendekatan sinonim memaparkan batasan kata atau entri yang berupa padanan kata yang sama atau yang mirip maknanya dengan kata entri. Pendekatan ini kerap ditemui penggunaannya dalam *Buku Katan*. Contohnya:

- | | |
|--------------|------------------------------------|
| abad | kurun yakni seratus tahun (hlm. 5) |
| ajar | tunjuk: asuh (hlm. 9) |
| tabir | tirai, langsir (hlm. 182) |
| tepu | penuh (hlm. 225) |

Terdapat juga pendekatan sinonim yang bersifat dua hala, iaitu:

- | | |
|--------------|-----------------------|
| bawah | lawan atas (hlm. 120) |
| atas | lawan bawah (hlm.7) |

Kaedah ini boleh juga dihubungkan dengan pendekatan antonim, yang merupakan padanan kata yang berlawanan dengan kata entri. Misalnya:

ada	hadir, lawan tiada (hlm. 14)
basah	kena air, tiada kering (hlm. 114)
tebal	tidak nipis (hlm. 206)

Pendekatan sinonim merupakan satu pendekatan yang mudah untuk dibuat dan mudah pula untuk difahami oleh pengguna kamus khususnya dari golongan penutur asli. Namun, pendekatan ini juga boleh membawa kepada masalah “kelingkar kamus”.¹

Pendekatan Ensiklopedia

Pendekatan ensiklopedia ialah pendekatan yang menghuraikan segala sesuatu yang berhubung dengan kata entri yang didefinisikan secara lengkap dan cermat. Pendekatan yang bersifat deskriptif ini biasanya dielakkan penggunaannya dalam kamus untuk membezakan pemberian takrif antara kamus dengan ensiklopedia. Sungguhpun demikian, *Buku Katan* boleh dikatakan agak kerap menggunakan pendekatan ini untuk mentakrif makna kata entri. Contohnya:

babi nama sejenis binatang yang amat keji dan dagingnya haram pada hukum Islam serta najis, dan segala yang berkenaannya daripada kulit, liur, tahi dan sebagainya najis berat (mughallazah) hendaklah disertai jika menyentuhnya iaitu tujuh kali basuh dengan air dan sekali daripada itu dengan tanah. Dihukumkan najis kerana binatang ini nyata kejinya baik pada rupa tau perangai tambahan pula suka memakan benda-benda yang kotor-kotor (bila dikata akan seseorang “babi” iaitu sangat menista kepadanya) (membabi atau membabi buta) bererti membuta tuli.

(hlm. 103)

Contoh di atas menunjukkan bahawa entri “babi” telah didefinisikan dengan sejelas-jelas yang mungkin, merangkumi tentang hukum yang ditinjau dari sudut agama Islam. Usaha ini seharusnya mendapat pujian kerana di samping mencari definisi sesuatu entri, pengguna kamus juga

1 Kelingkar kamus berlaku apabila definisi yang diberi untuk menerangkan makna sesuatu entri itu juga tidak difahami oleh pengguna kamus. Keadaan ini menyebabkan pengguna kamus terpaksa pula merujuk kepada makna definisi kata entri tersebut.

dapat menimba ilmu pengetahuan dari aspek agama. Begitu juga dengan entri “bintang” (hlm. 189) dan “air” (hlm. 93) yang diberikan definisinya dengan begitu panjang lebar dan mendalam.

Walaupun bagaimanapun, penerangan tentang sesuatu takrif kadangkala dibuat agak meleret-leret dan kurang bersesuaian dengan entri yang ingin didefinisikan. Ada kalanya, keterangan tentang sesuatu entri mengambil ruang sehingga satu atau dua halaman. Hal ini seharusnya dielakkan kerana boleh mengakibatkan pembaziran ruang dan masa. Contohnya seperti kata entri “encik” (hlm. 60–62) dan “tunang” (hlm. 260–261).

KESIMPULAN

Daripada aspek-aspek yang dikaji, yang menyentuh tentang kata entri, pemberian takrif dan jenis-jenis pendekatan yang digunakan, didapati kamus ini mampu menjadi kamus yang baik dan agak lengkap. Penyusun kamus ini berjaya memasukkan hampir kesemua unsur yang perlu ada dalam kamus ekabahasa ketika itu dan usaha ini bukanlah sesuatu yang mudah. Usaha tersebut memerlukan ketekunan, kesungguhan dan ketelitian yang tinggi.

Walaupun terdapat beberapa kekurangan dan kelemahan dalam kamus ini, *Buku Katan* masih boleh dianggap sebagai hasil terbaik yang diterbitkan oleh P.B.M.P.B. Diraja. Ini kerana, telah diakui oleh sarjana-sarjana perkamusan bahawa dunia perkamusan merupakan dunia yang penuh dengan kesulitan dan cabaran. J.J. Scalinger, Pensyarah Kanan Universiti Leiden antara abad ke-16 dan ke-17, pernah mengatakan bahawa hukuman membuat kamus haruslah dikenakan kepada pesalah yang paling jahat, kerana segala seksaan yang dapat dibayangkan, terkandung dalam usaha pembuatan kamus (Zgusta, 1971).

RUJUKAN

- Abdul Hamid Hassan, 1970. “Peranan Pakatan Bahasa Melayu Persuratan Buku DiRaja Johor (1888–1858) dalam Perkembangan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu”. Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Sastera. Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Amdun Hussain, “Sedikit tentang Masalah Kebahasaan dalam Penyusunan Kamus Melayu” dlm. *Dewan Bahasa* 34:1, hlm. 9–10, 1990.
- Asmah Haji Omar, 1987. “Perkamusan Melayu: Satu Penilaian”, Syarahan Memperingati Ulang Tahun Kesepuluh Koleksi Kebangsaan Perpustakaan Universiti Malaya di Universiti Malaya.

- Harimurti Kridalaksana, 1983. *Kamus Linguistik*. Jakarta: P.T. Gramedia.
- Harimurti Kridalaksana, 1989. *Pembentukan Kata dalam Bahasa Indonesia*. Jakarta: P.T. Gramedia.
- Ibrahim Ahmad, "Tipologi Perkamusan Melayu", dlm. *Pelita Bahasa* 5:2, hlm.22, 1993.
- Ibrahim Ahmad, 1994. *Perkamusan Melayu – Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Md. Zain Idros, 1973. "Mejar Dato' Haji Mohd. Said bin Haji Sulaiman: Penulis Johor di Pelbagai Bidang" dlm. *Jurnal Persatuan Penulis Johor*, 3.
- Munshi Abdullah, 1982. "Major Dato' Haji Mohd. Said bin Haji Sulaiman: Tokoh Pengarang Johor". Latihan Ilmiah Sarjana Sastera. Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Safiah Karim, 1984. "Sumbangan Pakatan Bahasa Melayu Persuratan Buku DiRaja Johor terhadap perkembangan bahasa Melayu", dlm. *Rampaian Pengajian Melayu*, Bil. 1, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Nik Safiah Karim *et al.*, 1989. *Tatabahasa Dewan Jilid I dan II*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Palmer, F.R., 1992. *Semantik*. Diterjemah oleh Abdullah Hassan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Ahmad, "Recent Malay Literature", dlm. *JMBRAS* 19:1, hlm. 16, 1941.
- Zgusta, Ladislav, 1971. *Manual of Lexicography*. The Hague: Mouton.